

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MEI 2020
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2



Ibadat&Fadilat
Nabi Muhammad SAW bersabda: "Setiap dua orang Islam yang berjumpa serta bersalaman pasti akan diampunkan dosa kebutuan sebelum mereka berpisah." (HR Abu Daud)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:47	1:19	4:43	7:31	8:47
Alor Setar	5:47	1:18	4:43	7:31	8:46
P. Pinang	5:50	1:18	4:43	7:30	8:45
Ipoh	5:49	1:16	4:41	7:26	8:41
Kuala Lumpur	5:49	1:13	4:38	7:22	8:37
Shah Alam	5:49	1:13	4:38	7:22	8:37
Johor Bahru	5:42	1:05	4:29	7:10	8:25
Kuantan	5:43	1:08	4:32	7:15	8:30
Seremban	5:48	1:12	4:36	7:18	8:33
Bandar Melaka	5:48	1:11	4:35	7:17	8:32
Kota Bharu	5:37	1:11	4:36	7:23	8:34
K. Terengganu	5:39	1:07	4:32	7:18	8:33
Kota Kinabalu	4:48	12:15	3:40	6:27	7:42
Kuching	5:17	12:40	4:04	6:45	8:00

Lebih banyak perniagaan dibuka minggu depan

EAC dapatkan data masa nyata bagi pelan jangka pendek, sederhana, panjang negara

Kuala Lumpur: Kerajaan menjakkan lebih banyak perniagaan akan dibuka semula minggu depan selepas sambutan Aidilfitri dan menyambung semula tahap produktiviti penuh mereka dalam tempoh beberapa minggu akan datang.

Menyatakan di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata ini akan memastikan kerja itu kekal kukuh dan perlakuan dapat beroperasi seperti biasa, sekali gus

dapat menstabilkan ekonomi.

Beliau berkata Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) bekerjasama rapat dengan semua pihak berkepentingan untuk mendapatkan maklum balas dan data masa nyata bagi pelan jangka pendek, sederhana dan panjang negara.

"Kami perlu memastikan perniagaan dapat memberi maklum balas pantas berhubung keputusan yang dibuat oleh kerajaan," katanya dalam sesi webinar bertajuk "Mengembangkan Perniagaan Dalam Arus Gangguan (Growing Business Against the Tides of Disruptions) anjuran Le NouveauPro Sdn Bhd, semalam.

Mustapa berkata, kerajaan mengharungi cabaran dan memberi tumpuan untuk menyelesaikan masalah menerusi Interaksi berkala dengan pelbagai pihak berkepentingan sambil memastikan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan domestik terus berkembang selain meningkatkan keyakinan pengguna.

Sementara itu, beliau berkata EAC sebagai badan pembuat keputusan ketika ini mengikuti bahawa negara sedang dalam keadaan tidak wujud dan memerlukan pembaharuan struktur membebaskan sektor-sektor tertentu.

"Memandangkan kita dalam realiti baharu, kerajaan menghadapi tumpuan untuk menyelesaikan masalah menerusi Interaksi berkala dengan pelbagai pihak berkepentingan sambil memastikan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan domestik terus berkembang selain meningkatkan digital sepenuhnya."

"Kita perlu mempertimbangkan perubahan ini dan menyertakannya dalam pelan jangka panjang kita," katanya. BERNAMA